

## Perubahan dan Kehilangan Bunyi Arab Dalam Beberapa Bahasa Pilihan: Satu Kajian Etimologi Bunyi Arab

*(Changes and Loss of Arabic Sounds in Selected Languages: An Etimological Study on Arabic Sounds)*

Shamsul Jamili Yeob<sup>1</sup>, Lubna Abd Rahman<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Jln Gombak, 53100 Kuala Lumpur, Selangor, Malaysia.  
Email: sjamili@iium.edu.my

<sup>2</sup>Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
Email: lubna@usim.edu.my

### CORRESPONDING AUTHOR (\*):

Lubna Abd Rahman  
(lubna@usim.edu.my)

### KATA KUNCI:

Bahasa Arab  
Bahasa Dunia  
Perubahan Bunyi  
Kehilangan Bunyi

### KEYWORDS:

Arabic language  
World languages  
Sound changes  
Loss sounds

### CITATION:

Shamsul Jamili Yeob & Lubna Abd Rahman. (2023). Perubahan dan Kehilangan Bunyi Arab Dalam Beberapa Bahasa Pilihan: Satu Kajian Etimologi Bunyi Arab. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(12), e002612. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i12.2612>

### ABSTRAK

Bahasa merupakan medium perhubungan yang sangat penting di dunia. Pelbagai bidang pengajian, sama ada profesional ataupun tidak, perlu menggunakan bahasa untuk berhubung sesama masyarakat dan komuniti di sekeliling mereka dalam pelbagai bidang. Bahasa juga merupakan aset penting kepada sesebuah komuniti bagi membangunkan masyarakat yang bertamadun serta mempunyai peradaban yang tinggi. Bahasa mengalami pelbagai proses perkembangan sejak ribuan tahun dahulu dan menerima pengaruh bahasa lain. Bahasa Arab ialah salah satu bahasa yang banyak mempengaruhi perkembangan bahasa di dunia. Kajian ini bertujuan untuk mengupas perkataan beberapa bahasa dunia yang dipercayai berasaskan perkataan daripada bahasa Arab. Kajian ini menggunakan kaedah analisis deskriptif dengan melihat perubahan dan kehilangan bunyi fonem-fonem Arab tertentu. Kajian ini menumpukan asal dan bunyi perkataan ataupun penggunaan bahasa dalam bahasa-bahasa yang bakal dikaji dan kaitannya dengan Bahasa Arab. Kajian ini juga akan melihat sekiranya wujud persamaan, perubahan atau kehilangan bunyi antara perkataan yang digunakan oleh penutur asli bahasa yang dikaji dengan Bahasa Arab. Bahasa-bahasa yang dikaji ialah bahasa Melayu, bahasa China dan bahasa Inggeris, dan pemilihan bahasa-bahasa adalah berdasarkan bilangan penutur dan juga bahasa ibunda penulis. Tumpuan kajian adalah terhadap perkataan yang mengandungi makna sosial dan tidak berdasarkan pengaruh agama Islam serta mempunyai sebutan dan bunyi yang bersamaan atau hampir, dan juga mempunyai perubahan atau kehilangan bunyi fonem-fonem Arab tetapi masih mempunyai persamaan makna dalam bahasa Arab. Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat banyak perkataan dalam bahasa-bahasa dunia yang berasaskan perkataan Arab

tetapi kebanyakannya telah mengalami perubahan dari segi sebutan Arabnya setelah melalui proses perubahan bunyi (fonetik) asal dalam bahasa tersebut.

### ABSTRACT

Communication across the globe relies primarily on language as the crucial means of expression. Various disciplines of studies, be it professional or non-professional, require language to communicate or interact between them and among their fraternity in different areas of interest. Language is also a pertinent and precious asset of a community particularly in developing high civilization and its prosperity. Languages underwent series of developments and processes thousands of years ago where they influenced and were influenced by other languages in a long run, and this is the nature of living language. The study, thus, attempts to unearth the role of Arabic language as one of the most influential languages in the world. The study aims to analyze words of a few world languages that are believed to be originated from Arabic word. The study adopts descriptive method to analyze three identified major languages in the world namely: Malay, Chinese and English. The languages are selected based on the number of speakers as well as the native language of the authors. The study focuses on words that contain social meaning only by avoiding any words which semantically incline towards Islamic influence. In addition, it emphasizes also on similar or closer sound to Arabic words as well as changes and loss of Arabic sounds of the analyzed words provided the original Arabic meaning of them is preserved. Giving a concentration on words that contain pronunciation similarity will unveil the similarity of word sound and meaning in Arabic. The study demonstrates that many words of world languages are originated from Arabic words or closely related to them but unfortunately some of them have been influenced by mother tongues or other languages in many ways which resulted to the use of different sounds to facilitate the pronunciation of the original Arabic words in the analyzed languages in particular.

**Sumbangan/Keaslian:** Sumbangan utama kajian ini adalah membuktikan bahawa pengaruh bahasa Arab melangkaui wilayah lain yang tidak mempunyai persamaan rumpun bahasa seperti bahasa Melayu, Inggeris dan Mandarin. Kajian ini turut membuktikan bahawa proses asimilasi yang berlaku antara bahasa Arab dan ketiga-tiga bahasa tersebut bukan hanya berlaku kepada perkataan berunsurkan agama Islam semata-mata.

## 1. Pengenalan

Bahasa-bahasa dunia dipercayai berasaskan satu bahasa utama yang menjadi ibu kepada keseluruhan jenis bahasa tersebut. Serapan bahasa induk dapat dikesan dalam bahasa baharu dalam pelbagai bentuk walaupun berkemungkinan telah melalui proses

pertukaran bunyi dan perkembangan makna, iaitu melalui kosa kata, sintaksis, morfologi atau pun gaya bahasanya.

Bahasa mempunyai ciri-ciri asas yang sama iaitu mampu mempengaruhi dan dipengaruhi. Ciri ini diwarisi turun-temurun oleh rangkaian bahasa yang wujud sehingga bahasa yang kita tuturkan pada hari ini termasuklah bahasa Arab, bahasa Melayu, bahasa China, dan bahasa Inggeris. Pada hakikatnya semua bangsa ini menerima dan mempercayai asas yang sama iaitu mereka semuanya berasal dari Nabi Adam dan Hawa. Ironinya, bahasa yang dituturkan oleh bapa akan diperturunkan kepada anak-anaknya walau dengan apa cara sekalipun.

Dalam erti kata lain, anak cucu Adam telah tersebar ke seluruh pelosok dunia dengan membawa bersama bahasa yang dipertuturkan oleh ayahanda mereka. Penghijrahan ini berlaku berdasarkan kepada beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan seperti: geografi, ekonomi dan sosial yang sentiasa meruntun kehendak manusia untuk melakukan penghijrahan. Bertitik tolak dari sini, pelbagai bahasa telah wujud yang berkemungkinan berasal daripada bahasa Arab (Mazhar, 1963), iaitu bahasa yang dikatakan dituturkan oleh Nabi Adam *‘alaihissalam*.

### 1.1. Permasalahan Kajian

Di Malaysia, kajian etimologi lebih banyak menumpukan pengaruh bahasa Arab kata serapan atau kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu, terutamanya kata yang berunsurkan keagamaan. Ini kerana bahasa Arab sememangnya dianggap sebagai teras kepada bahasa dunia khususnya dari aspek keagamaan (Any Rozita, 2023). Perbincangan dalam kajian ini tertumpu kepada kosa kata dalam tiga bahasa utama dari sudut pandang sosial, untuk menentukan sama ada kosa kata yg dikaji mempunyai unsur bunyi Arab atau kehilangan bunyi tersebut disebabkan perubahan bahasa utama ataupun perubahan dialek bahasa tersebut. Kajian tidak melihat atau menumpukan kosa kata yg mempunyai pengaruh agama Islam semata-mata kerana ia boleh dikenal pasti apabila Islam tersebar di kawasan yg menggunakan tiga bahasa tersebut. Oleh itu kosa kata yang mempunyai unsur sosial, geografi, dan mungkin budaya asal pengguna tiga bahasa tersebut akan menyerlahkan unsur pengaruh bunyi Arab dlm bahasa yg dikaji.

### 1.2. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji perkataan yang dipercayai berasal daripada bahasa Arab. Perlu ditekankan bahawa kajian ini tidak menggunakan metodologi etimologi dan fonetik secara langsung tetapi lebih menitikberatkan etimologi bunyi dengan memfokuskan perubahan dan kehilangan bunyi fonem-fonem Arab yang terdapat di dalam perkataan atau bahasa yang dikaji. Kajian ini dijalankan bagi membuktikan bahawa bahasa Arab menjadi asas kepada pelbagai bahasa yang terdapat di dunia ini seperti bahasa Melayu, Inggeris dan Mandarin.

## 2. Sorotan Literatur

Satu cabang ilmu bahasa yang mengkaji asal-usul perkataan serta perubahan pada bentuk dan maknanya ialah etimologi, manakala pengkajian tentang alat pengucapan dan bunyi-bunyi yang dihasilkan oleh sesuatu bahasa dikenali sebagai fonetik (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, n.d). Kajian yang dijalankan ini tidak menumpukan analisis etimologi dan fonetik serta kerangka kajian kedua-duanya secara terperinci, tetapi lebih

tertumpu kepada penilaian perkembangan dan kehilangan bunyi Arab yang terdapat di dalam perkataan-perkataan bahasa yang dikaji.

Terdapat banyak kajian lepas telah dijalankan berkaitan aspek etimologi dan fonetik, namun kajian ini berbeza daripada kajian lepas tersebut kerana lebih menumpukan aplikasi etimologi dalam proses penganalisan perkataan-perkataan bahasa yang dikaji dengan melihat kepada perubahan bunyi yang minima dan ketara dalam bahasa tersebut. Antara kajian lepas berkaitan etimologi ialah kajian yang telah dijalankan oleh [Nathesan \(2015\)](#) menumpukan pengenalan bidang etimologi dan kepentingannya dalam kajian bahasa. Penulis menggariskan beberapa elemen penting dalam kajian ini yang tertumpu kepada proses terciptanya perkataan, kepelbagaian perkataan dalam sesuatu bahasa, sumber yang membantu dalam pembentukan sesebuah bahasa.

Kajian [Asmah \(2009\)](#) pula menitikberatkan perkembangan bahasa Melayu dari aspek leksikon dan etimologi. Tumpuan diberikan terhadap kemampuan bahasa dalam menghadapi perubahan sistem dan struktur yang berlaku dalam bahasa Melayu. Fungsi bahasa Melayu dalam sistem nahu, semantik dan leksikal diberi penekanan. Kajian juga melihat unsur pengaruh bahasa-bahasa yang menyumbang kepada pembentukan bahasa Melayu sama ada daripada bahasa Arab, Sanskrit dan juga bahasa yang berpengaruh di sekitarnya.

Kajian etimologi bahasa-bahasa Semitik yang dijalankan oleh [Obeid \(2009\)](#) melihat kepada dua bahasa yang tertua iaitu Bahasa Arab dan Hebrew. Pemerhatian dan tumpuan yang diberikan kepada bahasa-bahasa ini mampu membantu melahirkan teknik kajian perbandingan yang mapan dalam menelusuri hubungan kekeluargaan sesuatu bahasa dan kosa kata yang terdapat padanya. Asal-usul perkataan yang dikaji dianalisis agar dapat membantu untuk mengenal pasti bahasa Semitik yang mempengaruhi bahasa-bahasa yang dikaji. Kajian ini mempunyai sedikit persamaan dengan apa yang diutarakan dalam penulisan ini dari sudut konsep tumpuan dalam mengenal pasti asal-usul bahasa yang dikaji. Walau bagaimanapun, penulis lebih menitikberatkan pengaruh bahasa Arab sebagai asas dalam pembentukan tiga bahasa (Mandarin, Inggeris dan Melayu) dengan meneliti perubahan fonem dan bunyi yang dialaminya.

Di Malaysia, kajian etimologi berkaitan kesan bahasa Arab terhadap bahasa Melayu masih mendapat perhatian sehingga kini. Antara yang terkini, kajian [Mohd Nortaufiq et al. \(2019\)](#) yang mengkaji bagaimana perkataan daripada bahasa Arab boleh menyerap masuk ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini memfokuskan golongan kata kerja untuk mengenal pasti kata pinjaman daripada bahasa Arab. Hasil kajian membuktikan bahawa bahasa Melayu banyak meminjam kata kerja daripada bahasa Arab. Banyak makna asal perkataan yang dikekalkan dalam setiap peminjaman tersebut. Selain itu, terdapat juga perkataan Arab yang dipinjam masuk ke dalam bahasa Melayu mengalami penyempitan makna. Hasil kajian ini juga turut mendapati bahawa peminjaman kata kerja daripada bahasa Arab merangkumi bidang agama dan undang-undang Islam.

Kajian [Ibtisam dan Imran Ho \(2018\)](#) pula mengkaji perubahan yang berlaku dalam perkataan bahasa Melayu yang berasal daripada bahasa Arab dari sudut morfologi. Antara perubahan ketara yang berlaku ialah perubahan kelas kata bahasa Arab yang meresap masuk ke dalam bahasa Melayu, seperti perubahan Kata Nama (KN) kepada Kata Kerja (KK), atau Kata Nama (KN) kepada Kata Adjektif (KAdj), atau Kata Nama (KN) kepada Kata Adverba (KAdv) apabila digunakan dalam bahasa Melayu berdasarkan binaan struktur ayat. Kajian ini juga membuktikan bahawa kosa kata bahasa Melayu,

terutamanya daripada kelas kata nama banyak meminjam kosa kata Arab, kerana sesuai dan menepati sistem tatabahasa Melayu.

Dalam pada itu, antara kajian lepas berkaitan fonetik pula ialah kajian [Farheen \(2013\)](#), yang membuat perbandingan antara fonetik Bahasa Arab dengan Bahasa Inggeris yang pada dasarnya agak jauh berbeza kerana kedua-duanya berasal daripada rumpun bahasa yang berbeza. Kajian beliau menjurus kepada kesamaan dan perbezaan fonetik kedua-dua bahasa ini dengan melihat kepada beberapa konsonan yang hanya terdapat pada bahasa Arab dan juga sebaliknya.

[Shariq \(2015\)](#) pula mengutarakan satu kajian fonetik dan fonologi ke atas konsonan Arab dan Inggeris. Tumpuan diberikan kepada sebutan kedua-dua konsonan Bahasa tersebut dengan berpandukan cara sebutan, tempat sebutan dan agihan sebutan di posisi yang berbeza dalam kedua-dua Bahasa. Kajian ini mempunyai sedikit persamaan dalam konsep tumpuan dalam mengenal pasti asal-usul bahasa yang dikaji mengikut ujaran konsonan. Walau bagaimanapun, pengkaji lebih menitikberatkan pengaruh fonetik bahasa yang dikaji dalam menerima bahasa Arab sebagai paksi utama kepada bahasa yang dianalisis.

Oleh kerana bahasa Arab menduduki tangga ke-enam bahasa-bahasa dunia, bahasa ini mempunyai kesan kepada bahasa lain seperti bahasa Turki, Melayu, Perancis, Sepanyol dan Inggeris sejak berabad lalu ([Kamal, 2013](#)). Kemasukan bahasa Arab ke dalam bahasa lain membawa kepada pertembungan budaya antara dua bahasa dan dianggap sebagai salah satu faktor wujudnya kata serapan atau kata pinjaman. Kajian mengenai kaitan bahasa Arab dalam perkembangan bahasa asing, terutamanya Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris telah lama dilakukan.

Dalam Bahasa Melayu, sebagai contoh, terdapat banyak kata serapan atau kata pinjaman daripada Bahasa Arab. Kajian [Abbas \(1988\)](#) mengupas tentang perkembangan bahasa Melayu, dan perubahan-perubahan yang berlaku. Menurutnya, perkataan atau fonem Arab yang diasimilasikan ke dalam Bahasa Melayu disesuaikan dan digantikan dengan fonem Melayu dan bentuknya yang hampir sama atau dekat dengan dasar ucapan dan bunyi asalnya. Dalam hal ini, bentuk bunyi bahasa Arab yang dikekalkan secara total akan membuatnya tidak menepati atau tidak selaras dengan kehendak bahasa Melayu. Oleh itu, penyelarasan ejaan dalam Bahasa Melayu harus dilakukan. Huruf atau fonem dalam perkataan Arab yang tiada padanan dalam bahasa Melayu akan ditukar mengikut fonemik Melayu apabila dieja dalam Rumi, sebagai contoh huruf (ق) akan ditukar kepada (k) dan huruf (ث) kepada (s) ([Mohd Alwee & Mohamad Azrien, 2009](#)).

Penyerapan perkataan Arab dilihat bukan sekadar membawa kata leksikal yang memperkaya bahasa Melayu tetapi juga membina perkataan tersebut dalam sistem tatabahasa. Ini menyebabkan berlakunya pertembungan antara sistem fonetik dan fonologi kedua-dua bahasa itu. Oleh kerana representasi fonetik antara kedua-dua bahasa ini tidak sama, maka kesannya menimbulkan beberapa gejala kebahasaan, antaranya perubahan dan penyesuaian kata serapan itu menurut sistem fonologi bahasa Melayu. Penyesuaian ini melibatkan perubahan atau modifikasi tertentu. Dari aspek fonetik, khususnya fonetik artikulatori, penyesuaian ini berlaku kerana kesukaran penutur bahasa Melayu untuk menghasilkan bunyi asing tersebut. Manakala dari aspek fonologi pula, bunyi asing itu tidak berfungsi sebagai fonem untuk membezakan kata. Oleh itu, perbezaan antara bunyi asing dan bunyi tempatan yang menggantikannya tidak dapat dibezakan oleh penutur bahasa Melayu ([Zaharani et al, 2011](#)).



Dalam isu kata serapan atau pinjaman Bahasa Arab dalam Bahasa Inggeris, orang-orang Eropah dipercayai menerima pengaruh bahasa Arab semasa tamadun Arab mula tersebar melalui pemerintahan Islam di Andalusia, apabila Andalusia menjadi pusat perkembangan pelbagai ilmu sains. Penyebaran bahasa Arab melalui Sepanyol pada kurun ke -11 dan ke-12 telah memberi kesan kepada penduduk Eropah dan golongan pertengahan bangsa Inggeris Pertengahan terutamanya dalam bidang sains, matematik dan astronomi (Shihab, 2012; Kamal, 2013). Hosam (2015), turut mengesahkan bahawa kebanyakan perkataan tersebut adalah dalam bidang sains, seperti perkataan *algebra*, *alcohol*, *nadir* dan *cipher*. Perkataan-perkataan ini telah membuktikan pengaruh bahasa Arab dalam sains dan matematik ketika Zaman Pertengahan di Eropah seperti yang disebut oleh Langacker (1967, dalam Hosam, 2015).

Menurut Hosam (2015), sejarah mencatatkan bahawa bahasa Arab telah menyumbang ratusan perkataan kepada bahasa Inggeris melalui pelbagai cara. Namun, dalam proses peminjaman dan asimilasi, kebanyakan perkataan Arab telah mengalami perubahan dari segi sebutan kerana faktor linguistik dan fonetik. Dalam erti kata lain, akan berlaku pemindahan bentuk dan unsur linguistik dari satu bahasa kepada satu bahasa lain. Perubahan ini menyebabkan berlakunya kesukaran untuk mengenal pasti asal perkataan tersebut. Kajian oleh Shihab (2012) menyenaraikan cara-cara perubahan yang berlaku dalam sebutan perkataan bahasa Inggeris yang berasal daripada bahasa Arab, antaranya sebutan huruf pertama diubah seperti perkataan *camel* (جمل) dan huruf akhir digugurkan seperti *eye* (عين).

Kajian-kajian di atas menunjukkan bahawa bahasa Arab mempunyai pengaruh besar serta menjadi asas dalam pembentukan perkataan dalam kebanyakan bahasa dunia.

### 3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis deskriptif dan dijalankan berdasarkan dua bidang linguistik yang penting iaitu: etimologi dan fonetik. Tumpuan akan diberikan kepada tiga bahasa yang dipilih mengikut bilangan penuturnya yang besar iaitu: bahasa Inggeris, bahasa Cina (Mandarin) dan bahasa Melayu. Penulis akan melihat kosa kata ketiga-tiga bahasa yang disebutkan di atas yang dipilih berdasarkan penggunaan sosialnya (*social use*) serta tidak dipengaruhi oleh elemen agama Islam ataupun digunakan setelah kedatangan Islam ke negara penutur asalnya.

Dalam meneliti etimologi perkataan, Collins (2018) menggariskan enam pedoman iaitu:

- i. pastikan ketika kata itu muncul untuk pertama kalinya sebelum meneliti sesuatu etimologi;
- ii. sejarah dan geografi harus dipertimbangkan: kata-kata hanya dapat dipinjam melalui pertembungan bahasa;
- iii. kesepadanan bunyi yang telah diketahui harus berlandaskan usaha etimologi;
- iv. tekanan harus diberi pada kata lisan: sebutan dapat menjelaskan percanggahan teks dan menyoroti etimologi yang betul;
- v. dialek-dialek daerah merupakan sumber penting dalam etimologi;
- vi. sering kata-kata purba dikekalkan dalam sesuatu dialek; dan
- vii. setiap unsur kata harus diterangkan: penjelasan sebahagian kata sahaja tidak meyakinkan

Namun begitu, kajian ini hanya akan menfokuskan salah satu daripada enam pedoman tersebut, iaitu pedoman (iii), iaitu melihat dan meneliti bunyi yang membawa kepada

bentuk perkataan. Menurut Liberman (2009) dalam Mohd Nortaufig dan Aniswal (2022), memilih atau mengenal pasti hubungan kognat dalam setiap bahasa yang dikaji merupakan langkah pertama dalam melakukan kajian etimologi. Dalam pedoman ini, perkara yang perlu diteliti ialah kemiripan dan persamaan antara bentuk ejaan dengan bahasa asal (Collins, 2018; Mohd Nortaufig & Aniswal, 2022).

Kajian ini menumpukan kognat perkataan dalam setiap bahasa yang dikaji dengan melihat kesamaan bunyi yang terdapat dalam bunyi Arab yang telah dipadankan dengan bunyi bahasa-bahasa tersebut. Tujuannya adalah untuk melihat kewujudan kesan bahasa Arab dalam bahasa-bahasa yang dikaji dengan mengkaji perubahan dan kehilangan bunyi Arab yang terdapat di dalam perkataan-perkataan bahasa yang dikaji.

Bagi menjalankan analisis ini, pengkaji akan meneliti kamus Arab-English, iaitu A Dictionary of Modern Written Arabic: Arabic-English (Hans Wehr, 2008) untuk perkataan Arab, The Oxford English-Arabic Dictionary of Current Usage (1984) bagi memilih kosa kata bahasa Inggeris dan Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) bagi melihat kosa kata Melayu. Manakala penelitian ke atas kosa kata Bahasa Mandarin dilakukan oleh pengkaji bersama dengan penutur Bahasa Mandarin<sup>i</sup> yang berasal dari Tanah Besar China berdasarkan sebuah kamus bahasa Mandarin iaitu Xinhua Zidian Dictionary (1998).

#### 4. Hasil Kajian

Analisis etimologi bunyi terhadap perkataan-perkataan dalam beberapa bahasa dilakukan untuk melihat kewujudan pengaruh bahasa Arab dalam bahasa yang dianalisis iaitu: bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin. Tumpuan diberikan kepada perubahan atau kehilangan bunyi Arab yang terdapat dalam perkataan-perkataan bahasa yang dikaji. Dijangkakan setiap perkataan yang dikaji mempunyai unsur-unsur bunyi dan huruf yang digunakan dalam bahasa Arab yang menjadi dasar kepada pembinaan perkataan Bahasa-bahasa yang dikaji.

##### 4.1. Analisis Perkataan Bahasa Arab Dalam Bahasa Mandarin

Beberapa perkataan dalam bahasa Mandarin yang dipilih dipercayai mempunyai asal usul atau kaitan dengan Bahasa Arab. Butirannya adalah seperti berikut:

Perkataan mandarin seperti tertera dalam Jadual 1 iaitu 'hu' dipercayai berasal daripada perkataan Arab kerana memperlihatkan kehadiran huruf-huruf Arab. Fonem (ح) dan (و) yang merupakan *syibhul 'ilal* (شبه العلال) dalam Bahasa Arab dikekalkan bagi meraikan silibal pertama perkataan (حوض). Namun terdapat kehilangan bunyi huruf iaitu (ض) di dalam perkataan tersebut. Hal ini adalah disebabkan huruf (ض) adalah huruf "isti'la" yang hanya terdapat dalam Bahasa Arab.

Jadual 1: Perkataan (Hu)

Perkataan Mandarin	Perkataan Arab	Makna (Melayu)
Hu	حوض	Tasik

Perkataan mandarin iaitu Da (Ta) dalam Jadual 2 dipercayai berasal daripada perkataan Arab (ضرب). Namun, didapati bahawa berlaku kehilangan bunyi huruf (ض) daripada

perkataan Mandarin. Hal ini mungkin kerana huruf (ض) ialah huruf “*isti‘la*” yang hanya terdapat di dalam Bahasa Arab. Walaupun pada ejaan digunakan bunyi (د) atau “d” tetapi pada sebutan mandarin telah ditukarkan menjadi “t” atau (ت). Manakala bunyi fonem (ر) dan (ب) telah ditiadakan.

Jadual 2: Perkataan (Da)

Perkataan Mandarin	Perkataan Arab	Makna (Melayu)
Da (Ta)	ضرب	Pukul/ketuk

Perkataan ‘Jia (Chia)’ dalam [Jadual 3](#) dipercayai berasal daripada perkataan Arab (ديار) yang bermaksud ‘rumah’. Fonem dan bunyi (د) telah mengalami perubahan bunyi dalam bahasa Mandarin apabila digantikan dengan fonem (j) atau sebutan (ch) kerana sebutan “ch” digunakan secara meluas di dalam Mandarin. Fonem dan bunyi (ر) pula dihilangkan dalam bahasa Mandarin.

Jadual 3: Perkataan (Jia)

Perkataan Mandarin	Perkataan Arab	Makna (Melayu)
Jia (Chia)	دار/ديار	Rumah

Jika dilihat dari aspek makna, perkataan ‘shang’ dalam [Jadual 4](#) dipercayai terbentuk daripada perkataan Arab (شمس), namun telah mengalami proses perubahan pada fonem dan bunyi. Fonem dan bunyi (ش) dikekalkan. Bunyi “ang” didapati telah menyerap bunyi (م) dan (س) dan menyebabkan sebutan perkataan Arab yang asal tidak sempurna dalam Mandarin.

Jadual 4: Perkataan (Shang)

Perkataan Mandarin	Perkataan Arab	Makna (Melayu)
Shang	شمس	Atas (matahari)

Berbandukan [Jadual 5](#), perkataan ‘mei’ dilihat sangat menyerupai perkataan Arab (ما). Didapati fonem dan bunyi (م) berfungsi, tetapi bunyinya dalam Mandarin lebih menjurus kepada bentuk “*imaalah*” dalam Bahasa Arab.

Jadual 5: Perkataan (Mei)

Perkataan Mandarin	Perkataan Arab	Makna (Melayu)
Mei (mey)	ما	Tidak/tiada

#### 4.2. Analisis Perkataan Bahasa Arab Dalam Bahasa Melayu

Beberapa perkataan dalam bahasa Melayu yang dipilih dipercayai mempunyai asal usul atau kaitan dengan Bahasa Arab. Butirannya adalah seperti berikut:

[Jadual 6](#) memperlihatkan perkaitan perkataan Melayu ‘abai’ dengan Arab (أبي). Jika dilihat dari aspek makna, perkataan ‘abai’ dipercayai terbentuk daripada perkataan



Arab (أبي), namun telah mengalami proses perubahan pada fonem dan bunyi. Fonem dan bunyi ( ء ) diwakili oleh bunyi 'a' yang merupakan *vowel* dalam Bahasa Melayu, sedangkan perkataan Arab tidak boleh dimulakan dengan *vowel*. Fonem dan bunyi (ب) dikekalkan kerana sama dari segi sebutan dalam Bahasa Melayu akan tetapi huruf *alif maqsurah* (ع) yang lebih menjurus kepada *vowel* dalam Bahasa Arab tidak digunakan di dalam Bahasa Melayu, malah berubah menjadi huruf 'i'.

Jadual 6: Perkataan (Abai)

Perkataan Melayu	Perkataan Arab	Makna (Melayu)
Abai	أبي	Tidak menghiraukan/tidak mengendahkan

Jika dilihat daripada [Jadual 7](#), perkataan 'Akar' dan (عقر) didapati mempunyai persamaan dari segi sebutan dan makna. Justeru, 'akar' dipercayai terbentuk daripada perkataan (عقر). Fonem dan bunyi (ع) diwakili oleh bunyi "a" yang merupakan *vowel* dalam Bahasa Melayu. Perkataan Arab tidak boleh dimulakan dengan *vowel*. Huruf (ع) adalah huruf/fonem '*halqiyah*' yang sukar disebut dalam Bahasa Melayu, justeru itu ditukarkan kepada *vowel* 'a'. Manakala (ق) pula ditukarkan kepada fonem dan bunyi "k" kerana (ق) adalah antara huruf/fonem '*istila*' yang hanya digunakan dalam Bahasa Arab. Fonem (ر) dikekalkan fungsi sama seperti dalam Bahasa Arab.

Jadual 7: Perkataan (Akar)

Perkataan Melayu	Perkataan Arab	Makna (Melayu)
Akar	عقر	Asal sesuatu benda

Berdasarkan [Jadual 8](#), kedua-dua perkataan di atas mempunyai persamaan bunyi dan makna. Justeru, perkataan 'bawa' dipercayai terbentuk daripada perkataan (بوي). Fonem dan bunyi (ب) berfungsi seperti dalam Bahasa Arab, begitu juga *vowel* 'a'. Manakala (و) ialah semi *vowel* yang digantikan dengan 'w' dalam Melayu. Huruf *alif maqsurah* (ع) yang merupakan *vowel* panjang dalam Bahasa Arab tidak digunakan di dalam Bahasa Melayu. Oleh itu *vowel* 'a' digunakan sebagai ganti.

Jadual 8: Perkataan (Bawa)

Perkataan Melayu	Perkataan Arab	Makna (Melayu)
Bawa	بوي	Mendatangkan, berpadanan, mengangkut.

Perkataan (حبيبة) seperti dalam [Jadual 9](#) dipercayai menjadi asas kepada perkataan 'hiba', dan kemudiannya mengalami perubahan fonem dan bunyi. Fonem dan bunyi (ح) berfungsi seperti di dalam Bahasa Arab dalam perkataan 'hiba' akan tetapi mempunyai sebutan yang tebal seperti (ح). Sebutan fonem dan bunyi (ب) juga dikekalkan seperti di dalam Bahasa Arab. Huruf *ta al-marbutah* (ة) dalam Arab yang kebiasaannya diakhiri dengan 'h' dalam Bahasa Melayu dihilangkan dalam perkataan 'hiba' yang diakhiri dengan bunyi 'a'.

Jadual 9: Perkataan (Hiba)

Perkataan Melayu	Perkataan Arab	Makna (Melayu)
Hiba	حبيبة	Terharu, sedih, pilu.

Perkataan (غلط) ‘dipercayai menjadi asas kepada perkataan ‘ralat’ seperti yang dilihat dalam [Jadual 10](#). Walau bagaimanapun, fonem dan bunyi (غ) digantikan dengan ‘r’ kerana (غ) adalah huruf *istila* yang tidak terdapat dalam Bahasa Melayu. Begitu juga (ط) yang juga huruf *istila* dan bersifat tebal (*mufakhamah*) lebih mudah disebut ‘t’. Huruf (د) kekal fungsinya dari segi fonem dan bunyi.

Jadual 10: Perkataan (Ralat)

Perkataan Melayu	Perkataan Arab	Makna (Melayu)
Ralat	غلط	Salah, silap, keliru.

### 4.3. Analisis Perkataan Bahasa Inggeris Dalam Bahasa Melayu

Beberapa perkataan dalam bahasa Inggeris yang dipilih dipercayai mempunyai asal usul atau kaitan dengan Bahasa Arab. Butirannya adalah seperti berikut:

Berdasarkan [Jadual 11](#), perkataan ‘basin’ dipercayai terbentuk daripada perkataan (أبن) jika dilihat dari sudut persamaan makna. Fonem dan bunyi (ء) dalam perkataan Arab didapati telah hilang fungsinya. Manakala huruf-huruf lain iaitu (ب), (ز) dan (ن) kekal dan berfungsi untuk memberi persamaan makna dalam kedua-dua Bahasa. Walau bagaimanapun, penggunaan fonem dan bunyi “s” digunakan menggantikan bunyi “z” yang lazimnya mewakili bunyi (ز).

Jadual 11: Perkataan (Basin)

Perkataan Inggeris	Perkataan Arab	Makna (Melayu)
Basin	أبن	Bekas atau mangkuk besar untuk membasuh pinggan mangkuk, tangan.

[Jadual 12](#) menunjukkan kemiripan bunyi antara perkataan Inggeris ‘earth’ dengan perkataan Arab (أرض). Ini kerana perkataan ‘earth’ dipercayai terbentuk daripada perkataan (أرض) yang bermaksud bumi, namun mengalami perubahan huruf dan bunyi. Fonem dan bunyi (ء) diwakili oleh bunyi “e” yang merupakan *vowel* dalam Bahasa Inggeris. Manakala fonem dan bunyi (ر) dan (ض) diwakili huruf “rth” kerana huruf (ض) merupakan huruf *istila* yang tidak terdapat dalam Bahasa Inggeris.

Jadual 12: Perkataan (Earth)

Perkataan Inggeris	Perkataan Arab	Makna (Melayu)
Earth	أرض	Dunia, bumi

Perkataan (طرح) ‘dipercayai menjadi asas kepada perkataan ‘throw’ seperti yang dilihat dalam [Jadual 13](#). Walau bagaimanapun, perkataan English ini telah mengalami perubahan huruf dan sebutannya. Fonem dan bunyi (ط) diganti dengan ‘t’ dan digandingkan “h” agar sebutannya lebih sesuai di dalam Inggeris. Huruf (ط) adalah huruf *isti‘la’* yang tiada dalam Bahasa Inggeris. Fonem (ر) pula diwakili ‘r’. Huruf (ح) yang lazimnya sesuai dengan “h” digantikan dengan “w” mengikut kesesuaian bunyinya dalam Inggeris.

Jadual 13: Perkataan (Throw)

Perkataan Inggeris	Perkataan Arab	Makna (Melayu)
Throw	طرح	Baling/lempar

[Jadual 14](#) menunjukkan wujudnya kemiripan bunyi antara perkataan Inggeris ‘tall’ dengan perkataan Arab (طول). Jika ditinjau dari segi sebutan kedua-dua perkataan di atas, seolah-oleh terdapat persamaan bunyi antara kedua-duanya. Walau bagaimanapun, fonem dan bunyi (ط) digantikan dengan ‘t’ yang lebih mudah sebutannya dalam Inggeris. Oleh kerana (ط) berbaris atas maka bunyi yang lebih dominan ialah “ta”. Huruf (ج) diwakili oleh ‘t’.

Jadual 14: Perkataan (Tall)

Perkataan Inggeris	Perkataan Arab	Makna (Melayu)
Tall	طول	Panjang

Perkataan (علة/عل) ‘dipercayai menjadi asas kepada perkataan ‘ill’ seperti ditunjukkan dalam [Jadual 15](#). Fonem dan bunyi (ع) yang merupakan huruf/fonem *halqiyah* tidak digunakan dalam Inggeris bahkan digantikan dengan ‘i’ yang merupakan vowel dan mudah disebut dalam Bahasa Inggeris. Manakala fonem (ج) diwakili oleh ‘l’ yang sama bunyinya.

Jadual 15: Perkataan (ill)

Perkataan Inggeris	Perkataan Arab	Makna (Melayu)
Ill	علة/عل	Sakit/cacat

## 5. Kesimpulan

Bahasa Arab dianggap sebagai salah satu bahasa tertua dunia ([Saini et al., 2016](#)) dan dipercayai menjadi asas kepada pembentukan bahasa-bahasa dunia yang lain. Hal ini kerana bahasa Arab telah menyumbang dalam memperkaya perbendaharaan kata bahasa di dunia termasuk bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Cina. Dalam erti kata lain, bahasa Arab mempunyai kesan dalam pembentukan dan perkembangan bahasa dunia yang lain.

Perbincangan dan analisis contoh-contoh di atas menunjukkan bahawa bahasa Arab menjadi asas kepada pembentukan perkataan-perkataan dalam Bahasa Mandarin, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, perkataan tersebut telah mengalami pelbagai bentuk perubahan termasuklah dari segi bentuk, sebutan dan bunyi

huruf. Hal ini kerana terdapat huruf-huruf dalam Bahasa Arab yang mempunyai sifat dan ciri tertentu yang mungkin berbeza daripada bahasa lain seperti *isti'la'* dan *tafkhim*.

Selain itu, perubahan yang berlaku dalam bahasa-bahasa yang dikaji, sama ada perubahan bentuk mahu pun sebutan atau bunyi, lazimnya disesuaikan dengan sistem pertuturan dan fonetik bahasa tersebut. Beberapa perubahan dikenal pasti, antaranya terdapat huruf Arab dikekalkan sebutan bunyinya dalam bahasa-bahasa tersebut dan ada yang lenyap secara total daripada sebutan. Selain itu, terdapat juga huruf Arab yang digantikan dengan huruf lain dalam Bahasa yang dituturkan dan disesuaikan dengan bunyi dan sebutannya.

Berdasarkan kepada penelitian ini serta dapatan kajian, perkataan-perkataan yang dikaji pasti berasal daripada bahasa Arab. Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa bahasa Arab adalah bahasa yang menjadi asas dalam pembentukan banyak perkataan dalam bahasa-bahasa dunia dan membantu proses perkembangan bahasa-bahasa tersebut. Hasil dapatan turut membuktikan bahawa bahasa mengalami pelbagai proses perkembangan hasil daripada pengaruh bahasa lain.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Terima kasih kepada alumni UIAM yang telah berkongsi ilmu pengetahuan dalam proses penulisan ini.

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan berkenaan penulisan dan penerbitan kajian ini.

### **Rujukan**

- Abbas, M. S. (1988). Pengaruh bahasa Arab dalam bahasa Melayu. *Sekata*, 5 (1), 20-33.
- Any Rozita Abdul Mutalib. (2023). Penyesuaian ortografi dan imbuhan kata pinjaman bahasa Arab dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*, 2, 23-54.
- Asmah Omar. (2009). Perkembangan Bahasa Melayu dari Aspek Leksikon dan Etimologi, dalam kertas kerja yang dibentangkan kepada Kementerian Pendidikan Singapura pada 1 Ogos 2009.
- Collins, J. T. (2018). *Mukadimah ilmu etimologi*. Edisi Kedua. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farheen, J. (2013). Arabic and English Phonetics: A Comparative Study. *The Criterion: An International Journal in English*, 4(iv), 1-13.
- Hans Wehr. (2008). *A Dictionary of Modern Written Arabic: Arabic-English*. (Ed.) J. Milton Cowan. Lebanon: Librairie du Liban.
- Hosam, M. D. (2015). Arabic Loan Words in English. *IOSR Journal of Humanities And Social Science (IOSR-JHSS)*, 20(7), 105-109.

- Ibtisam Abdullah & Imran Ho Abdullah. (2018). Kata Pinjaman Arab Dalam Bahasa Melayu Analisis Kajian Dari Sudut Perubahan Morfologi. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 13(3), 43-50 .
- Kamal, R. M. (2013). Arabic Loanwords in English: The Neglected Asset of Arab EFL Learners. *Majallah Jami'ah Falestin*, 15, 30-45.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Langacker, R.W. (1967). *Language and its Structure: Some fundamental linguistic concepts*. New York. Harcourt Brace Jovanovich Inc.
- Lieberman, A. (2009). *Word origins and how we know them: Etymology for everyone*. Oxford University Press.
- Mazhar, M. A. (1963). *Arabic: The Source of All the Languages*. The Review of Religions Rabwah, West Pakistan.
- Mohd Alwee, Y & Mohamad Azrien, M.A. (2009). Perkataan Arab dalam Bahasa Melayu: satu Tinjauan dari Aspek Morfologi. *Jurnal Usuluddin*, 30, 305-324.
- Mohd Nortaufiq Norhashim & Aniswal Abd. Ghani. (2022). Asal usul perkataan dalam bahasa Melayu dari sudut etimologi. *Issues in Linguistic Studies*, 11(1), 1-19.
- Mohd Nortaufiq Norhashim, Aniswal Abd. Ghani & Mohd Khaidir Abd Wahab. (2019). *Etimologi kata kerja Arab-Melayu: satu pengenalan awal*. Dalam *Linguistik Bahasa dan Pendidikan*. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, hlm 52-59.
- Nathesan, S. (2015). *Etimologi Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Obeid, N. (2009). *Etymological study of semitic languages*. (Tesis tidak diterbitkan). Kamataka, India: University of Mysore.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (n.d). Retrieved October 15, 2023 from <https://prpm.dbp.gov.my/>
- Saini Ag. Damit, Noorafini Kassim & Nor Ain Manap. (2016). Bahasa Arab dalam Ibadah: Satu kajian kefahaman pelajar Universiti Maaysia Sabah (UMS). *MANU*, 24, 67-89.
- Shariq, M. (2015). Arabic and English Consonants: A Phonetic and Phonological Investigation. *Advances in Language and Literary Studies*, 6(6), 146-152. Doi: 10.7575/aiac.all.v.6n.6p.146
- Shihab, H.A. (2012). Arabic Loan Words in English. *Al-Adab Journal*, 1(101), 171-191.
- The Oxford English-Arabic Dictionary of Current Usage. (1984). *N.S Doniach (ed)*, 6<sup>th</sup> Edition. Great Britain: Oxford University Press.
- Xinhua Zidian Dictionary. (1998). *Xinhua Zidian Dictionary*. Bei Jing: Commercial Press.
- Zaharani, A., Nor Hashimah, J., Fazal Mohamed, M. S, Harishon, R., & Mohd Shabri, Y. (2011). Pemeriksaan Jati Diri Bahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, 6, 13-27.

---

<sup>i</sup> Ma Li Ke, alumni program Pengajian Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.